

Akademi Imigresen jadi pusat rawatan risiko rendah

Kuala Lumpur: Akademi Imigresen Malaysia di Port Dickson yang kini dijadikan pusat rawatan COVID-19 risiko rendah bukan hanya akan menempatkan pesakit warga asing, tetapi juga rakyat tempatan.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimee Daud, berkata ia adalah antara sumbangan jabatan itu bagi menangani kes penularan COVID-19 di negara ini.

"Ini adalah sumbangan dalam bentuk kerjasama yang diberikan Jabatan Imigresen kepada agensi lain terutama Kementerian Kesihatan dalam pengurusan COVID-19," katanya dalam kenyataan menerusi Facebook

Jabatan Imigresen.

Sebelum ini, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, memaklumkan Akademi Imigresen Malaysia dijadikan pusat rawatan COVID-19 risiko rendah bermula 28 Oktober lalu.

Aminuddin berkata, pusat berkenaan yang mempunyai kemudahan 200 katil bertujuan membolehkan rawatan dapat diberikan secara berkesan kepada pesakit COVID-19 yang berisiko rendah.

Ketika ini, pesakit COVID-19 di negeri itu dirawat di tiga hospital iaitu Hospital Tuanku Ja'afar Seremban, Hospital Rembau dan Hospital Tampin.